



**ZAKAT DISTRIBUTION TO ASNAF STUDENTS VIA *E-WALLET*
APPLICATION (KIPLEPAY): AN ANALYSIS AT UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA**

**BANTUAN ZAKAT KEPADA ASNAF PELAJAR MENERUSI
APLIKASI *E-WALLET* (KIPLEPAY): ANALISIS DI UNIVERSITI
UTARA MALAYSIA**

MOHD MURSHIDI BIN MOHD NOOR (Corresponding author)

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010
Sintok, Kedah. E-mail: murshidi@uum.edu.my

AHMAD KHILMY BIN ABDUL RAHIM

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010
Sintok, Kedah. E-mail: khilmy@uum.edu.my

MUHAMMAD NASRI BIN MD. HUSSAIN

Profesor Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010
Sintok, Kedah. E-mail: mnasri@uum.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 15 JUN 2020: REVISED – 25 AUGUST 2020: ACCEPTED – 14 SEPTEMBER 2020)

ABSTRACT

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) has redistributed the fund from zakat on income among Universiti Utara Malaysia (UUM) staffs to provide assistance to the asnaf at Universiti Utara Malaysia consisting of students, staffs, community outside uum and management of asnaf affairs. In 2018 and 2019, UUM zakat management decided to channel the zakat fund to students through e-wallet application (kiplePay). The purpose of this article is to analyze from the Shariah point of view regarding the assistance (zakat) provided through the

application of kiplePay. The study was conducted qualitatively i.e. face-to-face interviews and document references. The results show that the implementation of zakat assistance to students in UUM through e-wallet application (kiplePay) is in line with Islamic law. It is found to be very good and can control student spending so that it is not used for improper purposes. The study also found that it is suitable to use this method in other educational institutions with students who are IT literate and have appropriate IT technology in campus.

Keywords: Zakat; kiplePay; e-wallet

ABSTRAK

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah mengagihkan semula zakat pendapatan di kalangan staf-staf Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk diberikan bantuan kepada asnaf-asnaf yang memerlukan di Universiti Utara Malaysia yang terdiri daripada golongan pelajar, staf, komuniti luar dan agensi yang menguruskan hal ehwal asnaf. Pada tahun 2018 dan 2019, pengurusan zakat UUM memutuskan untuk menyalurkan bantuan zakat kepada pelajar menerusi aplikasi e-wallet (kiplePay). Tujuan artikel ini dilakukan adalah untuk menganalisis dari sudut hukum syarak mengenai bantuan yang diberikan menerusi aplikasi kiplePay tersebut. Kajian dilakukan secara kualitatif iaitu temubual bersemuka dan rujukan dokumen. Hasil kajian menunjukkan pelaksanaan bantuan zakat kepada pelajar di UUM menerusi aplikasi e-wallet (kiplePay) adalah selari dengan hukum Islam. Ia didapati sangat baik dan dapat mengawal perbelanjaan pelajar agar tidak digunakan untuk tujuan yang tidak sepatutnya. Kajian juga mendapati ia sesuai untuk digunakan di institusi pendidikan lain yang mempunyai pelajar yang celit IT dan mempunyai teknologi IT yang bersesuaian.

Kata Kunci: Zakat, kiplePay, e-wallet


PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga. Golongan yang berkemampuan yang mempunyai pendapatan melebihi nisab, diwajibkan untuk menunaikan zakat apabila cukup tempoh *hawanya* (setahun). Bagi mereka yang tidak berkemampuan pula atau termasuk lapan asnaf zakat yang disebutkan di dalam al-Quran al-Karim, boleh menerima bantuan zakat. Zakat amat penting untuk menjamin kestabilan ekonomi sesebuah negara bagi mendekatkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Di Malaysia, terdapat agensi yang diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal zakat dari sudut kutipan dan agihan. Di Kedah misalnya, agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan hal ehwal zakat dari sudut kutipan dan agihan ialah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Bagi menjadikan

pengurusan agihan zakat dapat dilakukan dengan lebih efisien agar segelintir asnaf yang mungkin tercicir dapat dikurangkan, maka LZNK telah melantik beberapa agen amil di setiap daerah di Negeri Kedah Darul Aman termasuklah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan salah satu IPTA yang dilantik sebagai agen amil zakat oleh LZNK untuk menguruskan hal ehwal agihan zakat kepada asnaf. Oleh yang demikian, antara golongan asnaf yang paling dititikberatkan di UUM untuk diagihkan bantuan zakat kepada mereka ialah di kalangan pelajar dalam kaegori asnaf faqir, miskin dan *fi sabilillah*, di samping tidak mengabaikan juga kategori asnaf-asnaf yang lain. Artikel ini memberikan fokus dari sudut kaedah agihan yang diberikan di kalangan asnaf pelajar UUM menerusi aplikasi wang tanpa tunai (*cashless*). Disebabkan kaedah agihan zakat menerusi aplikasi tanpa tunai ini masih baru dan satu-satunya cara yang agak awal diamalkan di IPTA di Malaysia, justeru ianya dianalisis dalam artikel ini dari sudut hukum dan kelebihan menggunakan kaedah ini.

LATAR BELAKANG PENGURUSAN ZAKAT DI UUM

Pada tahun 2018 iaitu setelah dilantik sebagai agen amil zakat oleh LZNK, maka UUM mewujudkan tiga jawatankuasa yang berkaitan dengan zakat iaitu Jawatankuasa Kecil Pengagihan Zakat, Jawatankuasa Kecil Penyelidikan Zakat dan Jawatankuasa Pengurusan Zakat. Ketiga-tiga jawatankuasa ini mempunyai fungsi tersendiri untuk hal ehwal yang berkaitan dengan zakat.



Rajah 1: Jawatankuasa Zakat UUM

Artikel ini hanya memfokuskan kepada urusan agihan zakat yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kecil Pengagihan Zakat Universiti (JKKPZ) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA). Fungsi Jawatankuasa

Kecil ini ialah perbincangan dan keputusan di kalangan ahli mengenai proses pemilihan asnaf serta cara pengiraan dan metode agihan kepada para asnaf yang terlibat.

Pada tahun 2018 dan 2019, Jawatankuasa Kecil ini telah memutuskan bahawa metode agihan zakat kepada para pelajar asnaf yang menetap di UUM adalah menerusi transaksi wang tanpa tunai (*cashless*) menggunakan aplikasi kiplepay. Kaedah ini digunakan kerana ianya bersesuaian dengan hasrat universiti menjadikan institusi ini mengamalkan sistem transaksi tanpa tunai (*cashless*) di premis-premis perniagaan yang berada di dalam kampus UUM. Oleh yang demikian, artikel ini melihat dari sudut implikasi hukum apabila sistem ini digunakan untuk tujuan pengagihan zakat kepada para pelajar asnaf.

APLIKASI KIPLEPAY

Lanskap teknologi kewangan turut terkesan dengan aliran Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Secara khususnya, institusi kewangan di Malaysia perlu mengadaptasi dengan arus perubahan ini di mana kaedah urusan konvensional semakin digantikan oleh transaksi secara dalam talian. Malah, mereka bukan sahaja memerlukan strategi digital semata-mata sebaliknya strategi perniagaan menyeluruh untuk terus kekal bersaing dalam IR 4.0 (Padmanaban *et. al*, 2016). Penggunaan transaksi dalam talian merupakan perkhidmatan yang mudah dan menular khususnya bagi generasi Y. Ianya menjadi semakin relevan dengan kesan yang signifikan terhasil melalui penggunaan telefon pintar yang dilihat amat berguna, mudah untuk digunakan dan aturan sendiri internet yang meluas dikalangan pengguna muda di Malaysia (Hong, Y. *et. al*, 2014).

Sebagai sebuah institusi yang didiami oleh populasi generasi muda, UUM telah mengambilkira faktor-faktor tersebut bukan sahaja menyantuni kehendak semasa malah mempermudah pelbagai proses perkhidmatan yang disediakan. Bagi menyediakan agihan wang zakat kepada bilangan penerima asnaf yang ramai, satu kaedah yang lebih efisien diperlukan, menjimatkan masa di pihak pentadbir dan juga tempoh menunggu di pihak penerima wang zakat. Umumnya, kaedah agihan melalui akaun kepada asnaf membabitkan tempoh masa 14 hari bermula dari proses penerimaan senarai pelajar yang layak sehinggalah kepada wang zakat tersebut sedia untuk digunakan oleh mereka.

Menerusi kaedah *e-wallet* atau *cashless* ini, tempoh masa proses agihan tersebut telah dikurangkan hampir 65%, dengan tempoh masa yang diperlukan hanyalah lima (5) hari bekerja sahaja untuk wang agihan zakat sampai terus ke dalam akaun *e-wallet* para pelajar. Melalui *e-wallet* ini, pengguna perlu memiliki kod tersendiri dan pemindahan kepada pihak lain hanya menggunakan kod sahaja. Ia berperanan seperti dompet tradisional dan yang membezakannya dengan dompet biasa ialah sifatnya iaitu dalam bentuk maya. Tahap

kecekapan sebegini bukan sahaja memcepatkan asnaf menerima wang zakat ini malah ianya turut memberikan kelapangan kepada pihak pentadbir untuk menumpukan kepada tugas-tugas lain.

BANTUAN ZAKAT MENERUSI KIPLEPAY DARI PERSPEKTIF HUKUM

Perbincangan pada bahagian ini menjurus ke arah hukum bantuan zakat menerusi kiplePay, proses agihan zakat dan tujuan atau masalah bantuan zakat menerusi kiplePay dilaksanakan di kalangan pelajar asnaf.

Hukum Bantuan Zakat Menerusi KiplePay

Pada asalnya, bantuan zakat diberikan kepada asnaf adalah berdasarkan kepada jenis zakat yang dikutip. Misalnya zakat yang dikutip adalah beras, maka bantuan zakat yang diberikan adalah beras juga. Pada masa kini, zakat tidak lagi dikutip dalam bentuk fizikal, malahan kebanyakannya dikutip dengan wang seperti zakat pendapatan, zakat perniagaan dan sebagainya. Oleh yang demikian, metode agihan zakat juga turut berubah iaitu daripada bantuan dalam bentuk fizikal semata-mata, kepada bantuan dalam bentuk wang. Misalnya seseorang asnaf memerlukan bantuan perbelanjaan bulanan sebanyak RM500.00, maka bantuan dalam bentuk wang disalurkan kepada asnaf tersebut.

Pada masa kini, teknologi semakin berkembang sesuai dengan peredaran zaman. Satu ketika, orang ramai menggunakan dompet untuk membawa wang ke mana-mana bagi tujuan perbelanjaan. Manakala hari ini, wang boleh sahaja dibawa menerusi telefon pintar melalui aplikasi dompet digital atau lebih popular disebut sebagai e-wallet. *E-wallet* merupakan antara medium baharu yang digunakan pada masa kini berfungsi seperti mana dompet fizikal yang menyimpan wang, kad kredit, kad debit dan juga maklumat akaun bank dalam satu aplikasi. Secara mudahnya, *e-wallet* ini dibangunkan serta digunakan bagi memudahkan orang ramai supaya tidak perlu membawa dompet secara fizikal ke mana-mana. Sesuai dengan peredaran zaman, e-wallet turut diperkenalkan dan digunakan secara meluas di kalangan pelajar yang berada di institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Antara IPTA yang menggunakan aplikasi ini di kampus ialah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Oleh yang demikian, dompet digital atau e-wallet telah pun digunakan secara meluas di institusi pengajian tinggi yang merupakan tempat rujukan masyarakat sebagai alternatif kepada dompet fizikal. Justeru, ianya tidak jauh berbeza dengan wang digunakan kini untuk melakukan sesuatu transaksi. Sehubungan dengan itu, bagi melihat dari perspektif hukum bantuan zakat diberikan menerusi aplilasi e-wallet, maka sesuai dirujuk

hukum keharusan mengagihkan zakat menerusi wang sebagaimana yang telah pun dibincangkan oleh para ulama dahulu mahupun kini.

E-wallet digunakan sebagai metod pembayaran. Oleh itu, ia akan melibatkan pelbagai transaksi dan kontrak antara pihak-pihak yang terlibat dan memerlukan pertimbangan dari aspek syariah. Selain memastikan bahawa semua transaksi mesti bebas sepenuhnya dari unsur riba, gharar dan maysir; pihak-pihak yang berkontrak juga mesti mengetahui jenis aqad yang digunakan untuk kontrak tersebut dan memastikan semua terma dan syarat aqad dipenuhi kerana ini akan menentukan kesahihan kontrak tersebut dari sudut syariah. Berdasarkan pengetahuan penulis yang terbatas, setakat ini tidak ada garis panduan atau peraturan yang mengatur "e-wallet Islam" dan transaksi yang berkaitan dengannya. Oleh kerana penggunaan e-wallet masih di peringkat awal di negara ini, oleh itu adalah lebih baik bagi pihak berkuasa yang berkaitan untuk melihat isu ini dan membuat kajian yang teliti sejak awal. Ini dapat memberi jaminan kepada pengguna Muslim untuk menggunakan teknologi ini dengan yakin. Adlin Zulkefli, Hanum Rusmadi dan Akhtarzaite Hj Abd Aziz (2019) cenderung mengatakan e-wallet mengaplikasikan konsep wadiah selagi wang itu tidak digunakan oleh platform pembekal (Adlin Zulkefli *et. al*, 2019).

Menurut Moutaz Abojeib (2020), hubungan antara pengguna dan penerbit e-money dapat disusun secara semula jadi berdasarkan kontrak wakalah (perwakilan). Setelah membuka e-wallet, pengguna melantik penerbit e-money sebagai ejen untuk memudahkan pemindahan pembayaran kepada peniaga atas permintaan. Kontrak wakalah ini antara pengguna dan penerbit e-money juga disertakan dengan wang yang dikeluarkan oleh pengguna kepada penerbit e-money semasa menambah nilai. Penerbit e-money boleh melaburkan dana ini, tetapi mereka menjamin nilainya kepada pengguna. Operasinya adalah sama dengan bank Islam dalam aktiviti pelaburan atau menggunakan dana dalam akaun semasa sambil menjamin nilainya. Akaun semasa biasanya disusun berdasarkan kontrak qard (pinjaman tanpa faedah). Begitu juga, wang yang dikeluarkan semasa memuat semula (top-up) dapat dianggap sebagai qard juga. Oleh itu, segala aktiviti yang melibatkan pelaburan dan transaksi oleh penerbit e-money mestilah mematuhi Syariah (Shariah compliant).

Sebagai tambahan Moutaz Abojeib (2020) menyatakan satu lagi isu Syariah adalah mengenai ganjaran yang diberikan oleh pihak penyedia perkhidmatan e-wallet. Ganjaran yang diberikan oleh penerbit e-money kepada pengguna, jika ada, tidak boleh dikaitkan pada baki atau jangka masa wang yang disimpan dalam e-wallet kerana ia boleh dianggap sebagai riba. Kebiasannya ganjaran yang ditawarkan oleh penerbit e-money dikaitkan dengan pembelian menggunakan e-wallet. Ganjaran yang dikaitkan pada penggunaan e-money (iaitu pembelian) diizinkan kerana ia tidak berkaitan dengan hubungan penghutang-

pemiutang antara pengguna dan penerbit e-money. Ganjaran tersebut adalah serupa dengan potongan atau mata yang diberikan oleh bank Islam semasa menggunakan kad debit mereka di kedai tertentu atau untuk produk tertentu dan ianya adalah menepati Syariah.

Berdasarkan kepada kaedah fiqh di dalam muamalah iaitu *al-asl fi al-mu'amalah al-ibahah* yang bermaksud asal bagi muamalah ialah harus kecuali jika ada nas yang sah dan sabit melarang serta mengharamkannya (Yusuf al-Qardawi, 2010). Oleh yang demikian, penggunaan e-wallet oleh asnaf untuk membeli barangan keperluan mereka adalah harus kerana tiada nas yang melarang penggunaannya. Tambahan pula, hukumnya sama seperti para asnaf menggunakan wang bagi membeli sesuatu barangan yang diperlukan. Perbezaan antara kedua-duanya ialah e-wallet berdasarkan transaksi secara maya, manakala wang pula digunakan dalam bentuk fizikal. Justeru, pengagihan zakat menerusi e-wallet adalah harus dan tiada isu syariah mengenainya.

Bagi menguatkan lagi akan keharusan hukum penggunaan e-wallet oleh para asnaf, maka menurut Dr Azrul Azlan Iskandar Mirza, prinsip syariah dalam muamalah dan transaksi moden hari ini ialah halal selagi tidak mempunyai unsur riba, gharar (penipuan), judi, haram dan zalim. Menurut beliau lagi, perkhidmatan e-wallet tidak dilihat mempunyai unsur bercanggah dengan prinsip syariah selagi barangan dan perkhidmatan dibeli patuh syariah. Adaptasi Fiqh (takyif fiqhi) mungkin menimbulkan persoalan namun ia masih tidak terkeluar daripada prinsip dibenarkan syariah. Ia boleh dikira akad moden yang diterima syariah. Berdasarkan kepada pandangan yang dikemukakan oleh Dr Azrul Azlan Iskandar Mirza mengenai perkhidmatan e-wallet yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah, maka hukum mengagihkan bantuan zakat kepada asnaf pelajar menerusi aplikasi kiplePay adalah harus.

Hal ini kerana bantuan seumpama ini sama seperti memberikan bantuan berupa wang ringgit kepada para asnaf kerana fungsi kedua-duanya adalah sama iaitu sebagai alat pertukaran untuk mereka memiliki barangan atau perkhidmatan yang diperlukan. Menurut Ayman al-'Anqari (2009), tiada halangan untuk golongan asnaf memperoleh barangan zakat secara tidak langsung, sekiranya terdapat masalah dengan cara sedemikian. Dalam sistem berasaskan bantuan zakat, wang bukanlah matlamat utama untuk dimiliki oleh golongan asnaf. Perkara yang diperlukan oleh mereka ialah memiliki sesuatu barangan atau perkhidmatan bagi menampung kehidupan seharian mereka. Menurut Dr. Ahmad Hasan (2002), wang ialah alat yang digunakan oleh manusia sebagai pengukur nilai dan medium pertukaran. Imam al-Ghazali (t.t.) mengatakan bahawa wang ialah pengukur nilai sesuatu barang. Allah menciptakan dinar dan dirham sebagai hakim dan pengukur nilai di kalangan harta sehingga seluruh harta boleh diukur dengan keduanya. Contoh seekor unta menyamai

100 dinar dan sekian banyak minyak zafran menyamai 100 dinar. Maka unta dan minyak zafran mempunyai persamaan pada ukuran yang sama maka keduanya mempunyai nilai yang sama. Justeru, bagi memiliki salah satu daripada kedua-duanya maka wang sebanyak 100 dinar diperlukan pada ketika itu. Dengan itu, wang sebanyak 100 dinar hanyalah sebagai alat pertukaran untuk memiliki barang yang sebenar iaitu unta atau minyak zafran.

Menurut al-Kasani (t.t.), apa yang wajib daripada bantuan zakat pada hakikatnya ialah melegakan kedudukan fakir miskin kerana usaha melegakan mereka itu boleh dilakukan dengan membayar harga. Malah pembayaran seperti itu lebih berkesan dalam memenuhi keperluan mereka. Dalam pada itu menurut Mahmood Zuhdi Hj Abd. Majid (2003), pada hari ini mata wang lebih berkesan fungsinya dalam melegakan hidup seseorang. Selain itu di dalam karya-karya fiqh klasik, seringkali diberikan contoh asnaf fakir miskin yang tidak memiliki wang mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup dengan sepatutnya seperti ia menghendaki perbelanjaan sebanyak RM10 sehari, tetapi ia hanya memiliki RM4 sahaja (Zakariyya Ahmad Wan Besar, 2010). Berdasarkan contoh yang diberikan ini, bermakna wang yang dimiliki oleh seseorang asnaf zakat merupakan alat pertukaran untuk ia memiliki barang keperluan bagi melegakan kedudukannya. Dengan keadaan sedemikian, bantuan wang yang diberikan itu tidak akan disimpan lama oleh para asnaf, malahan akan ditukar dengan segera ke dalam bentuk fizikal seperti membeli barang-barang keperluan umpama makanan, pakaian dan sebagainya kerana inilah keperluan sebenar mereka. Kesimpulannya, wang atau duit merupakan perantaraan atau instrumen yang mempunyai nilai dan diterima masyarakat umum serta diiktiraf sah oleh undang-undang sebagai medium pertukaran dalam urusan jual beli dan urus niaga yang lain. Dengan wang, seseorang hanya perlu menyerahkannya kepada penjual untuk mendapatkan sesuatu barangan atau perkhidmatan. Dalam bahasa mudah, mata wang bukan barang dan perkhidmatan tetapi ia diperlukan untuk mendapatkan kedua-duanya (JAWHAR, 2018).


Dilihat dari aspek ini, maka bantuan zakat menerusi kiplePay di kalangan pelajar asnaf boleh diumpamakan seperti bantuan zakat yang diberikan dalam bentuk 'wang tunai' kerana kiplePay turut berfungsi semisal 'wang tunai' sebagai alat pertukaran untuk seseorang memiliki barang-barang keperluannya seperti makanan, minuman dan lain-lain. Hal ini disebabkan transaksi menerusi kiplePay masih menggunakan nilai mata wang sebenar kerana memerlukan pengguna membuat pemindahan atau penambahan wang melalui kad debit, kad kredit atau perbankan secara online. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dengan kes bantuan zakat UUM kerana sejumlah nilai mata wang dimasukkan terus ke dalam akaun kiplePay pelajar tanpa melalui kad debit, kad kredit atau perbankan secara online. Oleh yang demikian, bantuan zakat menerusi *e-wallet* adalah harus kerana fungsinya sama seperti wang ringgit dengan syarat institusi pengajian tinggi awam yang menyalurkan

zakat seperti itu telah pun mempraktikkan sistem bayaran secara *cashless* (tanpa tunai) secara meluas di dalam kampus menerusi kerjasama dengan premis-premis perniagaan yang berada di dalamnya. Menurut Dr. Azrul Azlan, selagi mana *e-wallet* itu boleh digunakan seumpama wang tunai (*redeem cash*), maka tidak mengapa menyalurkan bantuan zakat sedemikian. Natiujahnya, pemberian zakat menerusi kiplePay yang disalurkan kepada pelajar adalah tidak bertentangan dengan maslahat asnaf dalam menerima bantuan zakat, sekaligus tidak bertentangan dengan hukum hakam syarak.

Proses Agihan Zakat Menerusi KiplePay

Bagi menjadikan transaksi kiplePay sebagai perantara dalam menyampaikan zakat kepada para asnaf, penggunaan konsep wakalah (wakil) diaplikasikan agar berjalan selaras dengan kehendak fiqh Islami. Kelonggoran hukum untuk wakil yang menguruskan pengagihan zakat kepada asnaf ialah ia tidak diwajibkan untuk berniat zakat ketika urusan penyerahan harta itu kepada asnaf. Orang yang diwajibkan berniat hanyalah pemilik harta zakat itu sendiri ketika ia menyerahkan harta zakat kepada wakil (Muhammad al-Zuhayli, 2010). Oleh itu, penggunaan wakalah menjadikan fungsi kiplePay sebagai wakil untuk menyampaikan zakat kepada pelajar asnaf dalam bentuk yang menepati syariah.

Selain itu, apabila wang zakat diserahkan kepada pihak kiplePay, status wang zakat semasa dalam simpanan pihak kiplePay sebelum diserahkan kepada pelajar asnaf adalah berdasarkan konsep *al-wadiah yad al-amanah* dan ianya tanpa dikenakan sebarang bayaran untuk perkhidmatan tersebut. Pihak kiplePay bertindak sebagai penyimpan wang zakat dan tidak dibenarkan sama sekali oleh peraturan Bank Negara menggunakannya dalam bentuk perniagaan, pelaburan dan sebagainya dan hanya sebagai wakil untuk menyampaikannya kepada asnaf pada masa-masa yang tertentu. Proses agihan zakat menerusi kiplePay diringkaskan dalam rajah seperti berikut:



Rajah 2: Proses Agihan Zakat

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan di atas, LZNK telah melantik UUM sebagai agen amil bagi mengagihkan zakat kepada warga universiti. Kemudian, pengurusan zakat UUM menyerahkan dana zakat kepada pihak kiplePay sebagai wakil untuk menguruskan agihan zakat kepada asnaf pelajar dalam bentuk *e-wallet*. Pihak kiplePay juga dibekalkan senarai nama pelajar penerima zakat untuk diagihkan bantuan kepada mereka. Seterusnya, pihak Bendahari UUM akan mengeluarkan arahan kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk membuat pindahan duit agihan zakat kepada bank berdaftar bagi KiplePay Sdn. Bhd. (KPSB) dan memaklumkan kepada pihak KPSB juga. Wang tersebut berada di dalam akaun amanah khusus bagi pengagihan zakat ini. KPSB akan menyalurkan jumlah agihan ke dalam akaun individu sepertimana senarai yang dikemukakan oleh Bendahari UUM.

Ini bermakna, tiada kecaciran yang berlaku kerana setiap sen yang akan masuk ke akaun KPSB akan disalurkan ke akaun individu penerima zakat. Pihak bank kepada KPSB juga tidak boleh menggunakan dengan sewenang-wenangnya wang yang dipindahkan daripada Bank Islam untuk tujuan pelaburan atau '*quick-bucks*' dengan meletakkan di pasaran pinjaman semalaman. Ianya adalah bercanggah sama sekali dengan garis panduan bagi pengelolaan wang akaun amanah. Menerusi bantuan zakat dengan menggunakan kaedah *e-wallet*, maka para pelajar dapat membeli barangan keperluan mereka melalui premis-premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan berasaskan sistem *e-wallet* di dalam kampus. Bagi para peniaga, menjadi tanggungjawab KPSB untuk memastikan setiap transaksi yang dilakukan dihantar terus ke akaun bank mereka.

Tujuan Dan Masalah Bantuan Zakat Menerusi Kiplepay

Pihak UUM telah menggunakan perkhidmatan *e-wallet* yang ditawarkan oleh KiplePay Sdn. Bhd. (kiplePay) sebagai pendokong utama ke arah mencapai matlamat masyarakat kampus

tanpa tunai (*cashless society*). Pengagihan wang zakat melalui kiplePay menjadi perintis kepada kaedah agihan tanpa tunai yang dilihat amat bersesuaian bukan sahaja kerana ianya membabitkan aspirasi generasi muda tetapi ia juga menawarkan kepelbagaian faedah kepada masyarakat dalam kampus secara keseluruhan. Antara manfaat bantuan zakat menerusi *e-wallet* kepada para pelajar asnaf adalah seperti berikut:

1. Perbelanjaan barang-barang keperluan oleh asnaf pelajar di kampus mempunyai beberapa kelebihan berdasarkan aplikasi kiplePay berbanding wang tunai iaitu: a] mudah dibawa, hanya perlu membawa telefon bimbit sahaja untuk sebarang transaksi, b] ringan, c] semuanya ada dalam aplikasi telefon, d] cepat transaksi, jimat masa, e] tahap keselamatan terjamin melalui no pin dan pengesahan lain, dan f] setiap transaksi direkodkan.
2. Bantuan zakat yang diberikan adalah untuk memastikan golongan asnaf ini tidak terganggu tumpuan pembelajaran mereka hanya semata-mata kerana tiada wang di dalam saku. Penggunaan kiplePay ini membolehkan mereka hanya mengimbas setiap pembelian makan minum yang dibuat di premis di mana-mana sahaja di dalam kampus dan secara automatik ditolak dari baki wang zakat dalam telefon pintar masing-masing.
3. Ciri keselesaan yang ditekankan adalah pembayaran hanya boleh berlaku apabila pengguna perlu memasukkan nombor PIN atau membuat imbasan jari telunjuk pada telefon pintar. Ini menjadikan wang zakat tersebut selamat daripada disalahgunakan meskipun berlaku kehilangan atau kecurian pada telefon pintar tersebut.
4. Ianya menawarkan keselamatan daripada berlaku kecurian wang tunai kerana tiada lagi bentuk fizikal tunai yang berada pada mereka. Sekiranya telefon hilang atau berlaku kecurian, mereka hanya perlu memaklumkan kepada petugas kiplePay dan semakan akan dibuat untuk memastikan baki terakhir dimasukkan semula ke dalam akaun kiplePay pada telefon pintar yang baru.
5. Penggunaan *e-wallet* tidak bercanggahan dengan muamalat syariah kerana setiap sen yang diagihkan melalui kiplePay kepada asnaf tidak dikenakan sebarang caj perkhidmatan. Selain itu, wang asnaf terjaga di dalam sebuah sistem dompet yang tiada unsur-unsur yang bertentangan dengan muamalah Islam seperti riba, ketidakyakinan (*gharar*) dan perjudian. Menurut pandangan Dr Azrul Azlan Iskandar Mirza, selagi mana syarikat penyedia *e-wallet* tidak menggunakan wang deposit bagi apa jua jenis transaksi melainkan yang dilakukan oleh pengguna *e-wallet* tersebut, maka ianya tidak menyalahi mana-mana peraturan syariah. Justeru, ianya benar-benar berfungsi sebagai dompet elektronik yang memberikan ketenangan daripada perasaan bimbang kecurian, malah jika berlaku kecurian sekalipun wang tersebut

masih tidak boleh digunakan oleh si pencuri. Kaedah ini juga adalah bertepatan dengan salah satu daripada lima maqasid syariah di mana ianya bukan sahaja memelihara harta malah mengukuhkan lagi aspek penjagaan dan pengawalannya.

6. Menerusi penggunaan *e-wallet* berdasarkan kiplePay, dapat membantu pihak pengurusan zakat universiti mengenalpasti corak perbelanjaan para pelajar yang berkemungkinan menyalahgunakan duit bantuan zakat itu. Sekiranya bantuan zakat diberikan dalam bentuk wang tunai kepada para pelajar, kemungkinan wang itu akan disalah gunakan oleh sebahagian mereka untuk tujuan yang tidak baik di luar kampus seperti pembelian tiket dengan tujuan menonton wayang, berjudi, berfoya-foya dan seumpamanya. Penyalahgunaan seperti ini sangat sukar untuk dikenalpasti oleh pihak pengurusan zakat universiti kerana tiada rekod perbelanjaan mereka. Justeru apabila aplikasi kiplePay digunakan, maka kebocoran dalam berbelanja ini dapat dikenalpasti, dan sebahagian pelajar yang terlibat itu akan dinasihati agar menggunakan duit zakat dalam batas yang dibenarkan. Jika ia tidak mahu berubah, maka tindakan susulan boleh diambil oleh pegurusan zakat universiti seperti tidak menyenaraikan lagi pelajar-pelajar terbabit sebagai orang yang layak menerima bantuan zakat universiti untuk sesi seterusnya.

Sebagai perintis kepada kaedah agihan melalui kiplePay ini, pastinya terdapat sedikit sebanyak masalah yang timbul dari pelaksanaannya. Namun begitu, ianya boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian seperti pentadbiran, sistem, dan pengguna sendiri. Dari aspek pentadbiran, penerima bantuan zakat yang tidak berada di dalam kampus semasa agihan dibuat seperti mengikuti tempoh praktikum atau latihan industri perlu diasingkan kerana kurangnya premis perniagaan yang sedia menerima transaksi *e-wallet* berbanding di dalam kampus. Manakala dari aspek sistem pula, ianya perlu lebih mesra pengguna di mana tempoh masa khidmat bantuan dalam talian perlulah dilanjutkan memandangkan pola pembelian pelajar boleh mencecah ke lewat tengah malam selagi mana premis di dalam kampus masih beroperasi. Bagi kumpulan asnaf ini pula, mereka perlulah mengadaptasikan diri mereka dengan kemajuan teknologi telefon pintar dan perkara-perkara asas seperti mengingati nombor PIN supaya transaksi dapat dilaksanakan secara lancar.

KESIMPULAN

Bantuan zakat menerusi *e-wallet* oleh kiplePay tidak menyalahi syariah kerana tiadanya unsur-unsur yang boleh meragukan dalam penggunaannya. Oleh yang demikian, disebabkan penggunaan aplikasi ini amat bermanfaat kepada pelajar asnaf yang berada di dalam kampus yang melaksanakan transaksi menerusi *e-wallet*, maka amat wajar bantuan

zakat seperti ini diberikan kepada mereka untuk kemudahan, keselamatan dan pengawalan perbelanjaan, di samping memenuhi keperluan harian mereka sebagai seorang pelajar universiti. Selain itu, pelajar juga perlu dididik agar terbiasa dengan penggunaan *e-wallet* kerana jika mereka belum bersedia, masalah akan timbul ke atas mereka untuk menerima bantuan zakat jenis ini. Semoga, pihak UUM yang merupakan perintis kepada agihan zakat dalam bentuk seperti ini menjadi contoh kepada universiti-universiti awam yang lain untuk melaksanakan kaedah sama. Mudah-mudahahan hasrat kerajaan kini yang ingin mewujudkan masyarakat tanpa tunai dapat dilaksanakan dengan jayanya.

RUJUKAN

- Adlin Zulkefli, Hanum Rusmadi & Akhtarzaite Hj Abd Aziz (2019), *Application of E-Wallet: A Preliminary Analysis from the Shariah Perspective*. International Islamic University Malaysia, eISSN 2600-8408 <http://journals.iium.edu.my/al-fiqh>. Pp. 98 – 105
- Ahmad Hasan (2002), *al-Awrāq al-Naqdiyyah fī al-Iqtisād al-Islāmī: Qīmatuhā wa Ahkāmuhā*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Ayman Bin Su'ud al-'Anqari (2009), *al-Masa'il al-Mustajaddah Fi Nawazil al-Zakat al-Mu'asirah*. Al-Riyad: Dar al-Mayman.
- Hong, Y. H., Teh, B. H., & Soh, C. H. (2014). Acceptance of smart phone by younger consumers in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(6), 34–39. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n6p34>.
- Kasani al- (t.t.), *Bada'ī' al-Sana'i'*, j. 2. Kaherah: Matba'ah al-Imam.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad bin Muhammad al-Ghazāli (t.t), *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, j. 4.
- Muhammad al-Zuhayli (2010), *al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Shafi'i*, c. 2. Dimashq: Dar al-Qalam, j. 2.
- Yusuf Al-Qardawi (2010), *7 Kaidah Utama Fikih Muamalat*. Jakarta Timur: Pustaka al-Kawthar.
- Zakariyya Bin Ahmad Wan Besar (2010), *Matla' al-Nurayn*, c. 3, Alor Setar: Pustaka Dar al-Salam, j. 2.
- Jawapan daripada Dr. Azrul Azlan Iskandar Mirza menerusi media sosial bertarikh 27 Ogos 2019.
- Padmanaban, P., & Soo, H. K. Y. (2016). *Catching the Fintech Wave*. (November), 72. Retrieved from <https://www.pwc.com/my/en/assets/publications/2016-pwc-aicb-catching-the-fintech-wave.pdf>.

Panduan Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan (2018). Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Perbualan dengan wakil kiplePay UUM bertarikh 31 Ogos 2019.

<https://kapital.my/2018/04/bisnes-perlumbaan-e-wallet-di-malaysia/> diakses pada 20 Ogos 2019.

<http://e-muamalat.islam.gov.my/> diakses pada 13 Ogos 2019.

<http://www.ikim.gov.my/index.php/2020/03/30/dompert-digital-e-wallet-dan-perlindungan-data-peribadi/>, diakses pada 24 Ogos 2020.

<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/587707/e-wallet-patuh-syariah>, diakses pada 24 Ogos 2020.

<http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet/>, diakses pada 24 Ogos 2020.

<https://ifikr.isra.my/columns/post/162/e-wallets-social-impact-and-shariah-issues/>, diakses pada 24.8.2020.